

03 SEP 2003

Abdullah-Mbeki

ABDULLAH: HUBUNGAN MALAYSIA-AFRIKA SELATAN AKAN DIPERKUKUHKAN

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin hubungan baik antara Malaysia dan Afrika Selatan akan diperkembang dan diperkukuhkan lagi.

"Saya melihat hubungan baik ini akan dikembang dan diperkukuhkan lagi kerana begitu banyak perkara yang Afrika Selatan dan Malaysia boleh bekerjasama bagi kebaikan kedua-dua negara," katanya.

Beliau berkata kerajaan di bawah pimpinannya kelak akan melaksanakan program yang telah dipersetujui untuk dijalankan kedua-dua negara.

"Saya telah memberi jaminan kepada beliau untuk melaksanakan apa yang telah diputuskan oleh kedua-dua ketua kerajaan semalam," kata Abdullah kepada media selepas mengunjungi Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki di Hotel Nikko di sini hari ini.

Semalam, Mbeki dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan pertemuan empat mata sebelum mengetuai delegasi masing-masing bagi perbincangan penuh pada hari kedua lawatan rasmi Mbeki ke Malaysia.

Abdullah berkata mereka juga berbincang mengenai peranan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) kerana Afrika Selatan masih ada peranan sebagai ketua NAM pada masa dulu.

"Jadi dalam troika, peranan Afrika Selatan masih ada dan saya memberitahu beliau adalah menjadi komitmen Malaysia sebagai ketua NAM kini untuk menjayakan apa yang dipersetujui dalam sidang NAM baru-baru ini," katanya.

Beliau berkata Mbeki berpuas hati dengan peranan syarikat-syarikat Malaysia yang dianggap sebagai telah berjaya dalam mengambil kira rakyat Afrika Selatan dalam kegiatan-kegiatan yang ada hubung kait dengan pelaburan di negara itu.

Satu daripada syarikat itu ialah Petronas yang juga sudah memberi bantuan biasiswa kepada 44 pelajar dari Afrika Selatan untuk belajar di Malaysia, kata Abdullah.

Abdullah juga ditanya mengenai keputusan Mahkamah Negeri Jakarta Pusat yang mendapati Ketua Majlis Mujahidin Indonesia (MMI) Abu Bakar Basyir bersalah kerana bersubahat mengkhianati negaranya, tetapi memutuskan tiada bukti Abu Bakar adalah pemimpin kumpulan pengganas Jemaah Islamiah.

Beliau berkata bahawa hasil daripada perbincaraan yang dijalankan oleh kerajaan Indonesia, apa yang diputuskan itu adalah mengikut perbincaraan yang mereka jalankan.

Semasa ditanya mengenai kesan daripada keputusan itu, beliau berkata: "Saya fikir ada kesannya. Pihak Indonesia perlu teruskan lagi usaha-usaha untuk memerangi apa jua keganasan yang terdapat di Indonesia."

-- BERNAMA

ZAI AHH RHM